

# 52 disiasat <sup>BH</sup> 21/6/08 M/S 15

## kes jual bayi

**J**OHOR BAHRU: Polis Johor sudah menahan 52 orang, termasuk 28 wanita bagi membantu siasatan kes sindiket penjualan bayi di bandar raya ini dalam Ops Kasih sejak 22 Mei lalu hingga kelmarin.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata semua yang ditahan itu membabitkan empat laporan polis yang dibuat baru-baru ini dan semuanya sudah dibebaskan tanpa syarat atau dengan jaminan polis.

Beliau berkata, pihaknya sudah menyelesaikan fasa pertama kes penipuan dan pemalsuan dokumen dengan mendakwa seorang doktor, Dr Luk Tai Kong, 62, membabitkan lapan pertuduhan pada Isnin lalu berkaitan empat bayi yang sudah dikenal pasti setakat ini.

"Kami masih menjalankan siasatan untuk menuduh dan mengenal pasti pihak yang terbabit dalam kes berkenaan mengikut Seksyen 48(1) Akta Kanak-kanak 2001.

"Bagaimanapun, keputusan pertuduhan akan diputuskan Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Putrajaya," katanya di sini, semalam.